

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2015)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan dalam memudahkan mekanisme pengagihan bantuan Baitulmal melalui penubuhan Skuad Mesra Pengagih Zakat yang berfungsi mencari penerima zakat yang layak sepertimana kecekapan kaedah pungutan zakat melalui kewujudan Skuad Mesra Pembayar Zakat.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti agihan zakat adalah berbeza mengikut setiap negeri mengikut dasar dan pertimbangan pihak berkuasa agama negeri masing-masing dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh